

Wang haram dibawa keluar antara tertinggi di dunia

Tokoh politik serta ahli perniagaan terbabit aktiviti haram, elak cukai

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Wang haram mencecah berbilion dolar yang dibawa keluar dari negara ini untuk disembunyikan di bank dan akaun luar pesisir oleh pemimpin politik dan kumpulan perniagaan, adalah antara yang tertinggi di dunia, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia berdasarkan pendedahan oleh laporan Integriti Kewangan Global (GFI) pada 2010, *Panama Papers* dan *Pandora Papers* mengenai akaun luar pesisir milik rakyat Malaysia di beberapa negara.

Menurut laporan GFI pada 2010, wang haram yang dibawa keluar dari Malaysia pada 2010 mencecah hampir RM200 billion berbanding RM93 bilion pada 2009.

GFI yang berpangkalan di Washington, Amerika Syarikat juga meletakkan Malaysia di kedudukan ketiga tertinggi dalam kalangan negara membangun untuk aliran keluar wang haram bagi tempoh 2001-2010 dengan anggaran AS\$285 bilion (ketika

itu - RM860 bilion).

Pandora Papers pula adalah dokumen yang mendedahkan kekayaan disembunyikan di luar negeri hasil daripada kegiatan mengelak cukai, pengubahan wang haram membabitkan tokoh politik, ahli perniagaan dan orang kaya di seluruh dunia.

Ia mendedahkan sekurang-kurangnya 12 tokoh politik dan usahawan dari Malaysia yang didakwa terbabit dengan kegiatan itu.

Data berkenaan diperoleh oleh *International Consortium of Investigative Journalists* (ICIJ) di Washington DC yang bekerjasama dengan lebih 140 organisasi media membabitkan 600 wartawan di 117 negara.

Pendedahan *Pandora Papers* merangkumi 6.4 juta dokumen, hampir tiga juta gambar, lebih satu juta e-mel dan hampir setengah juta *spreadsheet*.

Anwar percaya sejumlah besar wang yang disimpan di akaun luar pesisir itu adalah hasil daripada aktiviti haram, termasuk yang membabitkan bekas pemimpin negara.

“Jumlah wang dari Malaysia dalam laporan GFI sehingga pendedahan *Pandora Papers* itu agak tinggi berbanding jumlah penduduk dan kedudukan ekonomi.

“Memang ada yang sebut beberapa negara besar lain seperti China, Arab Saudi dan sebagainya, tapi Malaysia itu di tingkat atas.

“Maknanya, wang yang dibawa keluar dari Malaysia, yang kebanyakannya diperoleh daripada sumber yang dianggap haram itu

agak terlalu tinggi bagi negara ini,” katanya ketika Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) yang bertanya sama ada kerajaan berhasrat menyiasat semua akaun luar pesisir membabitkan rakyat Malaysia, termasuk dana politik yang datang dari luar negara.

Fokus tokoh politik negara

Menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) mengenai pendirian kerajaan dalam isu *Pandora Papers*, Anwar memaklumkan siasatan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Negara (NFCC) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tertumpu pada tokoh politik utama negara.

“Yang disebut dalam *Pandora Papers* itu mencecah 3,000 individu. Ada yang sah, ada perniagaan tapi kita tumpu pada tokoh politik besar.

“Antaranya) mantan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, yang sebenarnya dipercayai menyalah guna kuasa mereka memungkah kekayaan semasa mereka mempunyai kuasa,” tegasnya.

Menjawab soalan tambahan Noraini mengenai langkah diambil Perdana Menteri bagi memastikan ketelusan dan kebertang-



Perdana Menteri ketika menjawab soalan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

gungjawaban dalam industri kewangan negara, Anwar memaklumkan beliau berpuas hati dengan tindakan diambil oleh NFCC, PDRM, SPRM, BNM dan LHDN setakat ini.

“Saya beri jaminan dari sudut badan-badan berkuasa yang melapor kepada saya, arahan saya jelas jangan ambil sikap sambil lewa, tindakan ini biarlah menjadi satu pengajaran dan negara tak mampu lagi mengizinkan hal ini diteruskan.

“Saya juga mohon Yang Berhormat (YB) dan rakan-rakan 220 Ahli Parlimen ini mengambil sikap tegas jangan melindungi sebaik sahaja ada siasatan terus dipertikai niat, kalau ada bukti dan fakta tindakan diambil.

“Kalau tindakan diambil tanpa fakta boleh dicabar atau bermotifkan politik tetapi kalau wang ratusan bilion atau ratus juta ringgit dibawa keluar dan (pesalah) dilindungi kerana dia menyokong kita, itu membawa malapetaka negara,” katanya.

Beliau juga turut memberi peringatan kepada semua pihak untuk berhenti mempergunakan

alasan membantu golongan Bumiputera demi memperkayakan diri sendiri dan parti politik.

“Ada dasar untuk bantu Bumiputera, boleh adakan tender terhad, itu tak dihalang tapi tak boleh guna alasan membantu Bumiputera untuk minta syarikat beri wang kepada peribadi atau parti, seperti amalan yang berlaku sebelum ini,” katanya.

BH sebelum ini melaporkan seorang bekas Menteri Kewangan berusia 84 disiasat SPRM berhubung *Pandora Papers* yang mendedahkan mengenai penyimpanan harta di luar negara berjumlah ratusan bilion ringgit.

Difahamkan, siasatan ketika ini adalah menjerus kepada kekayaan luar biasa yang dimiliki beberapa individu termasuk bekas menteri dan individu kenamaan lain serta keluarga mereka, selain kaitannya dengan syarikat luar pesisir di luar negara.

SPRM juga menyiasat kemungkinan ada hubung kait kewangan yang dimiliki, hasil daripada tender dan projek kerajaan.

Setakat ini, tiada pembekuan aset dilakukan oleh SPRM.